



## **KENYATAAN MEDIA**

### **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI PAHANG**

1. Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk menyalurkan Bantuan Khas Bencana Banjir sebanyak RM500 bagi ketua isi rumah terjejas banjir di Negeri Pahang.
2. Mereka yang bakal menerimanya terdiri daripada empat (4) kategori iaitu:
  - i) Mangsa yang berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS);
  - ii) Mangsa tidak berpindah ke PPS tetapi menumpang di rumah saudara-mara;
  - iii) Mangsa yang tinggal di rumah sewa; dan
  - iv) Mangsa yang membuat keputusan untuk tidak berpindah ke mana-mana.
3. YAB Perdana Menteri turut mengumumkan penyaluran Bantuan Wang Ihsan sebanyak RM1,000 kepada setiap ketua isi rumah yang terjejas akibat banjir sama ada yang berpindah ke PPS atau tidak.
4. Oleh yang demikian, bagi memudahkan proses pengurusan saluran bantuan Kerajaan Negeri dan Persekutuan:
  - i) bagi mangsa yang berpindah ke PPS, pendaftaran akan dibuat di PPS; dan
  - ii) bagi mangsa yang tidak berpindah, pendaftaran boleh dibuat melalui Pihak Berkuasa Tempatan dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) setempat.

Sekian, terima kasih.

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA  
NEGERI PAHANG**  
**23 Disember 2021**  
**8.00 malam**